

Syarat-Syarat Penyertaan Anugerah Media Terbaik (Individu) Sempena Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026

1. Karya penyertaan hendaklah mengenai perkara-perkara mengenai pekerja iaitu: kebajikan, perlindungan sosial, pembangunan kemahiran, peningkatan keupayaan tenaga kerja, inisiatif latihan, pembangunan kompetensi, capaian keberhasilan, peningkatan produktiviti, sumbangan pertumbuhan ekonomi atau kesejahteraan sosial.
2. Penyertaan terbuka kepada warga Malaysia yang berkhidmat sebagai wartawan, stringer, penerbit dan pengamal media sama ada media cetak, penyiaran TV/ radio dan portal media.
3. Peserta wajib mempunyai kad media berdaftar dengan Jabatan Penerangan Malaysia. Mana-mana peserta yang tidak mempunyai kad media, wajib mendapatkan pengesahan daripada Ketua Jabatan/ Ketua Editorial/ Pengurus Sumber Manusia.
4. Karya penyertaan mesti diterbitkan/disiarkan antara 1 Mei 2025 sehingga 1 Mac 2026.
5. Penyertaan dibuka mulai 6 Mac 2026 dan tarikh tutup penyertaan pada 20 Mac 2026.
6. Semua karya asli dan bahan berita/rencana bercetak, portal berita, multimedia, video, radio layak dipertandingkan.
7. Penyertaan terbuka kepada empat bahasa: Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.
8. Penyertaan hendaklah dikemukakan bersama sinopsis karya.
9. Karya yang perlu dihantar hendaklah wajib mengandungi tiga elemen media seperti berikut:
 - Teks/Artikel
 - Video
 - Audio
 - Foto
 - Grafik
 - Visualisasi Data
 - Multimedia
10. Bagi karya Bahasa Cina atau Tamil, terjemahan/sarikata ke Bahasa Melayu atau Inggeris hendaklah disertakan.
11. Karya penyertaan hendaklah dalam format PDF.

12. Karya yang dihantar hendaklah asli dan telah diterbitkan/diarkibkan sama ada di akhbar/majalah/mingguan/portal berita / televisyen/platform video dalam talian.
13. Jika karya itu bersiri, setiap karya mestilah disusun mengikut aturan.
14. Penghantaran bahan penyertaan hendaklah yang diisi oleh peserta melalui laman web Malaysian Press Institute, di pautan ini: <https://www.mpi.my/award/anugerah-hari-pekerja-media>
15. MPI berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan gagal mematuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.
16. Tiada yuran penyertaan.
17. Had penyertaan adalah SATU bagi 1 individu dengan maksimum TIGA (3) karya penerbitan/penyiaran.
18. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

Syarat-Syarat Penyertaan Anugerah Media Terbaik (Agensi) Sempena Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026

1. Organisasi media hendaklah mengemukakan dokumen pembuktian dan pencapaian yang berkaitan perkara-perkara mengenai pekerja iaitu: kebajikan, perlindungan sosial, pembangunan kemahiran, peningkatan keupayaan tenaga kerja, inisiatif latihan, pembangunan kompetensi, capaian keberhasilan, peningkatan produktiviti, sumbangan pertumbuhan ekonomi atau kesejahteraan sosial.
2. Antara pembuktian yang diperlukan:
 - Pengurusan latihan pekerja / sumber manusia
 - Pengembangan bakat/kompetensi pekerja
 - Pelan kebajikan pekerja (diberhentikan kerja atau hilang keupayaan)
 - Pencapaian kakitangan
3. Penyertaan terbuka kepada semua media di Malaysia.
4. Agensi media yang berdaftar dengan Jabatan Penerangan Malaysia.
5. Bahan-bahan pembuktian dan pencapaian mulai 1 Mei 2025 sehingga 1 Mac 2026 layak menyertai.
6. Penyertaan dibuka mulai 6 Mac 2026 dan tarikh tutup penyertaan pada 20 Mac 2026.
7. Bagi dokumen asli dalam Bahasa Cina atau Tamil, terjemahan/sarikata ke Bahasa Melayu atau Inggeris hendaklah disertakan.



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

8. Penghantaran bahan penyertaan adalah yang diisi oleh peserta melalui laman web Malaysian Press Institute, di pautan ini: <https://www.mpi.my/award/anugerah-hari-pekerja-media>
9. MPI berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan gagal mematuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.
10. Tiada yuran penyertaan.
11. Keputusan panel hakim adalah muktamad.